

KOD ETIKA KERJA CAH MEDICAL CENTRES SDN BHD (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI RAMSAY SIME DARBY HEALTH CARE SDN BHD) (“CMC”)

Di CMC, kejayaan anda tidak hanya dinilai melalui pencapaian, tetapi juga melalui cara anda mencapai kejayaan tersebut. Melaksanakan tugas-tugas anda dengan cara yang beretika adalah tanggungjawab peribadi anda dan anda perlu mengetahui, memahami dan mematuhi Kod Etika Kerja (Code of Business Conduct – COBC) ini.

Dengan membaca buku panduan ini, anda akan mengetahui standard etika kerja yang ditetapkan oleh Kumpulan dan bagaimana untuk menerapkannya dalam pekerjaan seharian anda. Dengan cara ini, anda dapat menunjukkan Nilai-nilai Teras CMC kepada individu yang berinteraksi dengan anda. Ini akan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih positif dan beretika yang dapat memacu CMC menjadi peneraju perniagaan yang dihormati di seluruh dunia.

Buku panduan ini juga menyediakan soalan-soalan yang dapat mencabar pandangan anda mengenai standard etika kerja yang harus anda patuhi dalam situasi tertentu, untuk membolehkan anda membuat keputusan yang betul bagi pihak Kumpulan. Jika anda mempunyai sebarang kekhawatiran mengenai kemungkinan atau berlakunya pelanggaran ke atas COBC ini, anda boleh menggunakan saluran pemberian maklumat yang terdapat di dalam bahagian ‘Hubungi Kami’.

Di dalam buku panduan ini, perkataan “Kumpulan”, “CAH Medical Centres (dahulunya dikenali sebagai Ramsay Sime Darby Health Care)”, “CMC”, “kami” dan “kita” digunakan silih berganti untuk merujuk kepada CAH Medical Centres Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Ramsay Sime Darby Health Care Sdn Bhd) (No. Pendaftaran: 201301008653 (1038495-A)) dan syarikat-syarikat subsidiarinya secara umum. Perkataan “anda” digunakan untuk merujuk kepada semua Pengarah, Pekerja dan di mana berkenaan, Rakan Sejawat dan Rakan Perniagaan

VISI, MISI DAN NILAI-NILAI TERAS

Visi Kita

Untuk menjadi penyedia penjagaan kesihatan terkemuka di Asia dengan memberikan hasil yang berkualiti tinggi kepada para pelanggan dan memastikan kemampanan organisasi kita.

Pekerja, kakitangan perubatan dan lain-lain yang terdiri daripada atau mempunyai hubungan dengan CMC akan memenuhi misi ini dengan mematuhi COBC ini apabila bekerja dengan pesakit, pakar perubatan, rakan sekerja dan sesiapa sahaja yang kami berurusan dengan atau berkhidmat. Kami akan menyediakan penjagaan yang berkualiti kepada pesakit kami sambil mematuhi standard kelakuan undang-undang dan etika yang tinggi dan akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan.

Misi Kita

- Pencegahan, diagnostik dan perkhidmatan kesihatan kuratif yang berfokuskan pelanggan yang memberikan hasil yang unggul dan melibatkan semua individu.
- Mempromosikan, menambah baik dan mengekalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu yang cemerlang di mana inovasi dan pengajaran adalah penting dalam penyampaian penjagaan.
- Pendidikan berkualiti yang memupuk kakitangan perubatan yang cekap dan penuh belas kasihan.
- Menyampaikan, menambah baik dan mengekalkan kepentingan and pulangan semua pihak berkepentingan.

Nilai-nilai Teras Kita

Cemerlang dalam apa jua yang kita lakukan

Kita sentiasa memberikan lebih daripada yang dijangkakan dalam apa jua yang kita lakukan dan menghargai nilai dalam diri seseorang untuk mengekalkan budaya berprestasi tinggi.

Berinovasi untuk peningkatan berterusan

Kita mengambil berat terhadap pencapaian kita dan sentiasa mencari kaedah baharu untuk melakukan kerja dengan lebih baik.

Etika dan Integriti dalam amalan kita

Kita amat menghargai sifat integriti dan kebolehpercayaan dalam diri seseorang individu dan berusaha untuk mencapai kecekapan operasi demi memberikan nilai yang mampan kepada pihak berkepentingan.

Prihatin dan berbelas kasihan daripada hati

Kita melayan setiap individu seperti keluarga dan memberikan penjagaan dengan penuh berperikemanusiaan dalam keadaan dan suasana yang dapat menggalakkan penyembuhan yang selamat dan kondusif serta persekitaran kerja yang positif.

Kerja berpasukan dan saling menghormati antara satu sama lain

Kita bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan dan menghormati setiap individu melalui hubungan yang konstruktif untuk mencapai hasil yang positif untuk semua.

PRINSIP PERNIAGAAN

Asas Kumpulan ini telah dibina di atas Nilai-nilai Teras, yang memberi panduan kepada tindakan dan cara kita menjalankan urusan perniagaan kita. Ia juga diterapkan dalam Prinsip Perniagaan kita seperti berikut:

Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran

Kesihatan dan keselamatan adalah penting bagi pesakit dan pekerja kita dan juga kepada masyarakat dimana kita beroperasi. Kita bertanggungjawab terhadap pembangunan, pelaksanaan dan penilaian terhadap sistem kerja yang selamat dalam lingkungan rangka kerja perundingan untuk mencapai hasil berkualiti paling tinggi yang boleh dicapai.

Kita memastikan kemampunan operasi perniagaan kita dengan cara menangani masalah alam sekitar secara proaktif dan menghormati hak-hak asasi manusia tanpa menjejaskan penciptaan nilai ekonomi jangkamasa panjang.

Pematuhan

Patuh kepada semua undang-undang dan peraturan di dalam negara dimana kita beroperasi.

Bekerja dengan Komuniti Tempatan

Terlibat dan melunaskan tanggungjawab sosial kepada komuniti tempatan dimana jua kita beroperasi, tanpa menjejaskan kepentingan mana-mana pihak berkepentingan tertentu.

Amalan Perniagaan Adil

Memastikan kita mengamalkan urusan perniagaan yang adil dan bersaing secara beretika.

PESANAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Rakan Sekerja sekalian,


Kepatuhan tanpa kompromi terhadap kecemerlangan dalam beretika serta tadbir urus korporat yang baik sangat penting bagi mewujudkan serta melestarikan asas kukuh yang mana kejayaan CAH Medical Centres dibina dan Kumpulan dapat berkembang maju.

Sebagai pekerja dan Rakan Perniagaan, setiap hari anda perlu membuat keputusan perniagaan dan pilihan yang melibatkan etika. Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mendukung standard etika perniagaan dan tadbir urus korporat syarikat yang tinggi dalam setiap situasi tersebut. COBC ini mungkin tidak dapat memberikan panduan bagi menangani setiap situasi yang bakal anda hadapi. Tetapi, sekiranya anda menggunakan penilaian dan pengalaman perniagaan/ operasi anda yang baik, keputusan tersebut mungkin tidak akan menimbulkan isu etika. Adalah penting untuk kita menggunakan penilaian yang wajar dalam membuat keputusan yang tepat apabila berhadapan dengan isu etika. Kami berharap agar COBC ini dapat dijadikan panduan untuk membantu anda membuat pilihan/ keputusan yang tepat.

Matlamat kita adalah berpegang kepada prinsip etika, kehormatan, kepercayaan dan harga diri yang paling tinggi terhadap satu sama lain, berpandukan satu visi – untuk menjadi penyedia penjagaan kesihatan terkemuka di Asia dengan memberikan hasil yang mampan dan berkualiti tinggi kepada semua pihak berkepentingan. Oleh yang demikian, adalah penting bagi kita berkongsi Nilai Teras CMC yang sama iaitu komited dalam mempertahankan tahap integriti tertinggi dalam apa jua yang kita lakukan.

Kami menggalakkan agar anda membaca polisi di dalam panduan COBC ini dan berbincang atau berhubung dengan Ketua Jabatan anda, Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko, Kumpulan Perundangan atau Jabatan Sumber Manusia secara terus sekiranya terdapat sebarang pertanyaan. Panduan yang digariskan dalam COBC ini mestilah diikuti oleh kakitangan di semua peringkat dalam organisasi ini daripada ahli lembaga pengarah, pengurusan atasan sehinggalah kepada semua kakitangan, Rakan Perniagaan dan Rakan Sejawat. Setiap individu di CMC mempunyai kewajipan untuk menjaga reputasi Kumpulan dengan memartabatkan nilai-nilai terasnya dan patuh kepada COBC.

Kami amat berterima kasih kepada anda kerana bersama-sama memastikan CMC terus merealisasikan potensinya dalam perniagaan/perkhidmatan yang dijalankan mahupun cara kita menjalankan perniagaan/perkhidmatan. Kejayaan syarikat ini bergantung kepada kita semua dalam menjalankan perniagaan secara jujur, adil dan dengan tahap integriti yang paling tinggi.



Peter Hong Kah Peng

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CMC

Dikemaskini setakat 27 Februari 2024

JADUAL KANDUNGAN

1	TUJUAN	8
2	SKOP	8
3	PRINSIP UMUM BAGI COBC	8
4	TANGGUNGJAWAB DAN PEMATUHAN KEPADA COBC	9
5	BEKERJA DENGAN SATU SAMA LAIN	10
5.1	Hormat	10
5.2	Peluang Yang Sama Rata dan Tiada Diskriminasi	10
5.3	Gangguan dan Keganasan	10
5.4	Bahan-bahan Terlarang	10
5.5	Aktiviti Jenayah	10
5.6	Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan	11
5.7	Hak Asasi Manusia	11
5.8	Perlindungan Data Peribadi	12
5.9	Pembangunan Profesional	12
5.10	Tatacara Berpakaian dan Berhias Diri	13
6	MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN	14
6.1	Panduan Umum	14
6.2	Berurusan dengan Syarikat Pembekal, Pelanggan, Ejen dan Pesaing	14
6.3	Pekerjaan Luar dan Aktiviti di Luar Kumpulan	15
6.4	Keahlian Lembaga Pengarah	15
6.5	Ahli Keluarga dan Hubungan Peribadi yang Rapat	15
6.6	Aktiviti Pelaburan	16
7	MENANGANI GEJALA RASUAH DAN SOGOKAN	17
7.1	Rasuah dan Sogokan	17
8	HADIAH, HIBURAN DAN PERJALANAN	19
8.1	Hadiah	19
8.2	Hiburan	20
8.3	Perjalanan	20
9	DERMA DAN TAJAAN	21

10	MELINDUNGI KUMPULAN DAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	22
10.1	Melindungi Aset Kumpulan	22
10.2	Ketepatan Maklumat Kewangan	22
10.3	Teknologi Maklumat	22
10.4	Maklumat Proprietari dan Sulit	23
10.5	Maklumat Dalaman, Urusniaga Sekuriti dan Pendedahan Awam	24
10.6	Komunikasi Perniagaan	24
10.7	Media Sosial	24
10.8	Pengurusan Rekod	24
10.9	Pengurusan Risiko	24
10.10	Mekanisme Aduan	25
11	BERURUSAN DENGAN RAKAN SEJAWAT DAN RAKAN PERNIAGAAN	27
11.1	Rakan Sejawat	27
11.2	Pelanggan (Rakan Perniagaan)	28
11.3	Usaha Sama dan Perikatan Perniagaan (Rakan Perniagaan)	28
11.4	Undang-undang Persaingan dan Antitrust	28
11.5	Persekitaran, Akses Tanah dan Pembangunan Mampan	29
12	BERURUSAN DENGAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN, PARTI POLITIK DAN ORGANISASI ANTARABANGSA	30
12.1	Aktiviti Politik	
12.2	Berurusan dengan Pengawal Selia dan Agensi Kerajaan	30
12.3	Sumbangan Politik	30
12.4	Pengubahan Wang Haram dan Anti-Pembiayaan Aktiviti Keganasan	31
13	PENTADBIRAN COBC	32
13.1	Panduan dan Rujukan	32
13.2	Menyuarakan Kekhuatiran atau Melaporkan Pelanggaran	32
13.3	Siasatan Terhadap Kemungkinan Berlakunya Perlanggaran COBC dan Tindakan Disiplin	33
	DEFINISI	34
	HUBUNGI KAMI	39

1 TUJUAN

Buku panduan COBC ini memberikan panduan mengenai standard etika kerja yang diharapkan daripada semua Pengarah dan Pekerja Kumpulan, dan juga Rakan Sejawat dan Rakan Perniagaan, jika berkenaan. Standard etika kerja ini telah digarap daripada Nilai-nilai Teras dan Prinsip Perniagaan Kumpulan.

2 SKOP

Semua Pengarah dan Pekerja Kumpulan adalah tertakluk kepada COBC ini. Ini termasuk mereka yang dipinjamkan kepada syarikat-syarikat Usaha Sama, gabungan ataupun bersekutu. Rakan Sejawat juga perlu mematuhi buku panduan ini ketika mewakili Kumpulan dalam urusan perniagaan. Rakan Perniagaan digalakkan untuk mengamalkan prinsip dan standard etika kerja yang sama.

COBC ini juga harus dipatuhi oleh semua unit perniagaan di negara-negara di mana Kumpulan ini beroperasi.

3 PRINSIP UMUM BAGI COBC

Kita seharusnya berbangga dengan reputasi kita yang menitikberatkan perilaku adil, jujur dan beretika di mana jua kita menjalankan urusan perniagaan, dan komitmen yang kita berikan secara kolektif dalam memartabatkan integriti di dalam Kumpulan ini.

COBC ini bukanlah satu dokumen yang menyeluruh dan tidak mungkin menyelesaikan setiap situasi yang anda hadapi. Anda bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua dasar, prosedur, kontrak bertulis, undang-undang dan peraturan yang dikenakan di negara-negara di mana Kumpulan ini beroperasi.

Sekiranya terdapat konflik di antara peruntukan-peruntukan dalam buku panduan ini, polisi-polisi Kumpulan dan peruntukan kawal selia dan perundangan, peruntukan yang lebih tegas harus digunakan. Walau bagaimanapun, jika adat atau amalan tempatan berkonflik dengan buku panduan ini, anda perlu mematuhi peruntukan dalam COBC.

Walaupun bagaimanapun, anda harus sentiasa mengamalkan pertimbangan yang wajar ketika membuat keputusan yang betul dan mengambil semua langkah praktikal untuk memastikan ia tidak memudaratkan Kumpulan dan/atau ahli-ahlinya.

4 TANGGUNGJAWAB DAN PEMATUHAN KEPADA COBC

Selain daripada memahami dan mematuhi COBC, sebagai seorang Pengarah atau Pekerja, anda juga bertanggungjawab untuk:

- Memastikan pekerja bawahan anda memahami dan mematuhi COBC ini;
- Menggalakkan pematuhan dan nilai-nilai etika yang baik melalui kepimpinan melalui teladan; dan
- Memberikan panduan kepada orang lain yang menyuarakan kekhawatiran atau soalan berkenaan COBC.

Semua Pengarah dan Pekerja dikehendaki untuk membaca dan memahami COBC ini, mendukung standard ini dalam aktiviti harian, mematuhi semua dasar dan prosedur yang terpakai, dan memastikan bahawa mereka memahami dan mematuhi standard ini. Memandangkan prinsip yang dihuraikan dalam COBC ini mungkin bersifat umum, anda juga perlu menyemak semua polisi dan prosedur Syarikat yang berkenaan untuk arahan yang lebih spesifik dan menghubungi Jabatan Sumber Manusia jika anda mempunyai sebarang soalan/pertanyaan. Kami komited untuk sentiasa menyemak dan mengemaskini dasar dan prosedur kami. Oleh itu, COBC ini tertakluk kepada pindaan. COBC ini menggantikan semua kod, dasar, prosedur, arahan, amalan, peraturan atau representasi bertulis atau lisan yang lain setakat mana ia tidak konsisten. Anda mungkin dikenakan tindakan disiplin, termasuk penamatan pekerjaan atau pemecatan atas sebab melakukan pelanggaran ke atas COBC ini. Pelanggaran ke atas COBC yang berkaitan dengan tindakan jenayah boleh menyebabkan anda didakwa selepas merujuk kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Sekiranya Perjanjian Kerja Bersama diamalkan oleh negara di mana kita beroperasi, terma dan syaratnya mestilah dipatuhi.

Sebagai Rakan Sejawat, anda juga perlu memahami dan mematuhi semua aspek yang berkaitan dengan COBC ini. Pelanggaran ke atas COBC boleh menyebabkan anda disenarai-hitamkan oleh Kumpulan ini. Rakan Perniagaan hendaklah mengamalkan prinsip dan standard etika kerja yang sama.

COBC ini terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan Kumpulan Perundangan.

5 BEKERJA DENGAN SATU SAMA LAIN

Kumpulan ini sentiasa komited dalam memupuk persekitaran terangkum dimana semua individu dilayan dengan hormat, penuh kepercayaan dan bermaruah.

5.1 *Hormat*

Anda harus menghormati, bersikap jujur, mempercayai dan menghargai maruah pegawai atasan, rakan sekerja atau pihak berkepentingan yang lain.

5.2 *Peluang Yang Sama Rata dan Tiada Diskriminasi*

Kumpulan ini memberikan peluang yang sama rata kepada semua dan berusaha memastikan keputusan yang dibuat berkaitan dengan pekerjaan adalah berdasarkan kepada kelayakan, merit, prestasi, faktor lain yang berkaitan, serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

Anda tidak boleh mendiskriminasi seseorang berdasarkan jantina, bangsa, ketidakupayaan, warganegara, agama, umur atau orientasi seksual kecuali jika terdapat undang-undang atau peruntukan khas yang secara jelas mengharuskan pemilihan mengikut kriteria tertentu.

5.3 *Gangguan dan Keganasan*

Kumpulan ini tidak akan bertolak ansur dengan sebarang jenis perilaku yang berbentuk gangguan dan keganasan. Tindakan atau perilaku yang ditegah ini termasuk komen menghina berkenaan dengan jantina, kaum atau ciri etnik, perlakuan seksual yang tidak disenangi, penyebaran khabar angin yang berniat jahat dengan menggunakan e-mel, mel suara atau sebarang bentuk saluran komunikasi lain/media sosial yang digunakan untuk menghantar bahan-bahan berbentuk penghinaan atau diskriminasi. Sebarang layanan yang kasar dan tidak berperikemanusiaan, termasuk sebarang jenis gangguan, penderaan seksual, hukuman badan, paksaan mental atau fizikal atau penderaan lisan adalah dilihat sebagai salah laku yang serius dan tidak akan ditolak ansur oleh Kumpulan.

5.4 *Bahan-bahan Terlarang*

Kumpulan ini melarang keras penggunaan atau pengedaran ubat-ubatan terlarang atau bahan terlarang yang lain di tempat kerja. Pengarah dan Pekerja adalah dilarang keras untuk mengambil dan atau berurusan dengan sebarang bahan larangan semasa bekerja dan/atau terikat dengan Kumpulan.

5.5 *Aktiviti Jenayah*

Anda tidak harus terlibat atau melibatkan diri dalam sebarang perilaku atau aktiviti yang mungkin dikategorikan sebagai subversif atau melakukan sebarang kesalahan, jenayah atau sebaliknya yang boleh dihukum di bawah undang-undang mana-mana negara. Jika anda didapati bersalah oleh mahkamah atau didapati terlibat dalam aktiviti subversif atau melakukan kesalahan jenayah, anda akan diadili mengikut dasar dan prosedur-prosedur

Kumpulan yang berkaitan.

5.6 Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan

Kumpulan ini sentiasa berusaha untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat, terlindung dan sihat. Anda perlu mewujudkan dan mengekalkan persekitaran begini untuk mengelakkan sebarang kecederaan dengan:-

- Menggunakan semua peralatan yang disediakan untuk perlindungan anda;
- Memastikan peralatan perlindungan tersebut berada dalam keadaan yang baik;
- Melaporkan dengan segera tentang peralatan yang tidak selamat, keadaan berbahaya dan kemalangan kepada pihak Pengurusan; dan
- Mematuhi undang-undang dan peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tempatan dan peraturan dan perundangan persekitaran, keselamatan dan kesihatan Kumpulan.

Anda juga bertanggungjawab atas keselamatan rakan sekerja dan orang awam dan digalakkan untuk melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran undang-undang persekitaran, keselamatan dan kesihatan di tempat kerja anda. Sekiranya terdapat keraguan, sila dapatkan penjelasan daripada penyelia anda.

5.7 Hak Asasi Manusia

Kumpulan mempunyai tanggungjawab untuk menghormati, menyokong dan mendukung hak asasi manusia seperti yang dinyatakan dalam Deklarasi Universal untuk Hak Asasi Manusia dan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Komitmen kami meliputi semua orang dalam lingkungan pengaruh kami, yang merangkumi semua Pekerja kami, pekerja dalam operasi kami, Rakan Sejawat dan komuniti di sekitar operasi kami. Kami juga komited untuk bekerjasama dengan Rakan Sejawat dan Rakan Perniagaan kami untuk menggalakkan mereka untuk mendukung rasa hormat terhadap hak asasi manusia seperti yang digariskan dalam dasar kami dan untuk menggalakkan mereka mempunyai komitmen yang sama dalam amalan perniagaan mereka.

Di mana kesan buruk hak asasi manusia yang timbul akibat daripada aktiviti perniagaan kami dikenal pasti, kami komited untuk mengurangkan kesan negatif dan di mana mungkin untuk menangani dan menyelesaikan impak tersebut kena pada masanya.

Kami akan memastikan bahawa standard dan amalan kami mematuhi semua perundangan tempatan yang terpakai dan konsisten dengan prinsip dan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kami menghormati hak Pekerja kami, pekerja kami dalam operasi kami dan komuniti kami melalui komitmen kami yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Menyediakan Peluang yang Sama Rata.

Kami menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi. Ini hendaklah dibaca bersama dengan seksyen 5.2.

- Menghormati Kebebasan Berpersatuan.

Kami menghormati hak Pekerja untuk menyertai dan membentuk organisasi mengikut pilihan

mereka sendiri dan untuk berunding secara kolektif.

- Menghapuskan sebarang bentuk Eksploitasi.

Kami berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk buruh paksa, perhambaan, pemerdagangan manusia dan eksploitasi seksual.

- Memastikan Keadaan Kerja Yang Baik.

Kami memastikan kehidupan dan keadaan kerja yang baik untuk semua Pekerja kami. Kami berusaha untuk menyediakan gaji yang adil dan akses kepada keperluan asas untuk semua Pekerja dan pekerja kami dalam operasi kami.

- Meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan.

Kami menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk Pekerja dan pekerja kami dalam operasi kami dan menyokong kesejahteraan komuniti kami.

- Melindungi Hak Orang Lemah

Kami melindungi dan menghormati hak orang yang lemah seperti kumpulan terpinggir, orang yang berbeza kebolehan dan pelarian.

- Melindungi hak kanak-kanak.

Kami berusaha untuk menggalakkan kesejahteraan kanak-kanak dan melindungi mereka daripada sebarang bentuk penganiayaan atau eksploitasi, termasuk pelancongan seks kanak-kanak, pemerdagangan kanak-kanak, buruh kanak-kanak dan pornografi kanak-kanak.

- Menghapuskan keganasan dan gangguan seksual.

Kami berusaha untuk menggalakkan persekitaran di mana semua bentuk gangguan dan penderaan dihapuskan dan memberikan sokongan kepada mangsa. Ini hendaklah dibaca bersama dengan seksyen 5.3.

Apabila berhadapan dengan konflik antara norma dan/atau standard tempatan dan norma dan/atau standard antarabangsa dalam negara dan wilayah di mana kami beroperasi, kami berusaha untuk mendukung standard yang lebih tinggi, di mana mungkin dan dalam kekangan perundangan negara.

Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak-hak ini dan memastikan bahawa kita menjalankan perniagaan kita selaras dengan prinsip panduan ini. Sebarang pelanggaran hak asasi manusia yang disyaki wujud dalam operasi kita hendaklah segera dilaporkan melalui saluran pemberian maklumat (*whistleblowing*).

5.8 Perlindungan Data Peribadi

Kumpulan ini menghormati privasi dan rahsia Pekerja, Pengarah, Rakan Sejawat, Rakan Perniagaan dan data peribadi pelanggannya. Data peribadi harus dirahsiakan dan dilindungi, melainkan akses diberikan untuk tujuan perniagaan yang sah.

Jika anda mempunyai akses kepada data tersebut, anda dikehendaki mematuhi undang-undang yang terpakai, seperti Akta Perlindungan Data Peribadi, dan juga dasar Kumpulan. Langkah-langkah yang sesuai mesti diambil sekiranya anda berurusan dengan pengumpulan, pemrosesan, pendedahan, keselamatan, penyimpanan dan pengekalan data peribadi.

5.9 Pembangunan Profesional

Para pengurus dan penyelia di CMC akan menyokong pembangunan profesional kakitangan

dengan menyediakan latihan dalam perkhidmatan dan juga peningkatan kemahiran. Kita harus maklum bahawa pembangunan professional pekerja Kumpulan adalah tanggungjawab bersama CMC dan pekerja itu sendiri. Pekerja mempunyai kewajipan untuk memastikan mereka sentiasa mempunyai kemahiran dan pengetahuan terkini dengan mengikuti pembangunan profesional yang bersesuaian.

5.10 *Tatacara Berpakaian dan Berhias Diri*

Para pekerja mestilah mengikuti standard berpakaian dan berhias diri secara profesional serta mematuhi keperluan kesihatan dan keselamatan yang bersesuaian dengan tugasnya.



• TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Adakah anda pernah berlaku tidak adil dan tidak menghormati pekerja bawahan anda?
- Adakah anda pernah membuat jenaka atau komen yang tidak wajar tentang rakan sekerja anda?
- Adakah anda ikhlas dan jujur dalam menjalankan kerja anda?
- Adakah anda sentiasa mematuhi prosedur keselamatan di tempat kerja anda?

6 MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

Semua Pengarah dan Pekerja perlu membuat keputusan perniagaan demi kepentingan Kumpulan.

6.1 Panduan Umum

Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab terhadap Kumpulan, dan terhadap satu sama lain. Walaupun kewajipan ini tidak menghalang kita daripada terlibat dalam urusan niaga dan pelaburan peribadi, ia menuntut kita mengelakkan situasi di mana konflik kepentingan mungkin berlaku atau kelihatan berlaku. Syarikat tertakluk kepada penelitian daripada pelbagai individu dan organisasi. Kita harus sentiasa berusaha untuk menghindari walaupun penampilan kelakuan yang tidak betul. Konflik kepentingan mungkin menyukarkan pekerja untuk melaksanakan kerjanya secara objektif dan berkesan. Konflik kepentingan wujud apabila kepentingan atau faedah seseorang atau entiti bercanggah dengan kepentingan atau faedah Syarikat. Konflik kepentingan berlaku apabila anda mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu objektiviti anda ketika menjalankan tugas atau ketika membuat pertimbangan bagi pihak Kumpulan.

Sekiranya anda mendapati diri anda berada dalam situasi konflik sama ada sebenar atau berpotensi, anda perlu melaporkan secara bertulis secepat mungkin dengan menyatakan fakta, sifat dan tahap konflik kepada Ketua Unit/Jabatan masing-masing.

Ketua Unit/Jabatan anda atas nasihat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan perlu mengambil tindakan yang dianggap perlu untuk melindungi kepentingan Kumpulan dan/atau memberikan pengecualian di bawah keadaan yang dibenarkan. Sekiranya konflik itu melibatkan kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan Kumpulan, Ketua Unit/Jabatan perlu memastikan bahawa terma kontrak tersebut dirunding dan diputuskan secara bebas iaitu melalui jawatankuasa tender bebas.

Sebagai Pengarah, anda perlu mendedahkan situasi konflik kepada Lembaga Pengarah CMC, dan jika perlu, mendapatkan kelulusan pemegang saham terlebih dahulu.

6.2 Berurusan dengan Syarikat Pembekal, Pelanggan, Ejen dan Pesaing

Mana-mana Pengarah atau Pekerja atau ahli keluarga mereka tidak boleh mempunyai:

- Sebarang kepentingan kewangan dalam syarikat pembekal, pelanggan, ejen atau pesaing, kecuali dalam syarikat awam tersenarai di mana kepentingan berjumlah kurang daripada 5% dalam ekuiti syarikat boleh diabaikan; dan
- Sebarang urusan perniagaan atau kontrak dengan mana-mana Syarikat Kumpulan. Ini tidak termasuk pembelian untuk kegunaan peribadi oleh pekerja syarikat atau pembelian dengan harga yang sama yang ditawarkan kepada orang awam.

Pekerja Syarikat dalam Kumpulan ini adalah dilarang sama sekali menerima komisen daripada

Rakan Sejawat, Rakan Perniagaan dan syarikat pesaing.

6.3 Pekerja Luar dan Aktiviti di Luar Kumpulan

Sebagai Pekerja sepenuh masa, anda tidak boleh melakukan kerja-kerja luar atau terlibat dalam sebarang perniagaan/ perkhidmatan di luar yang mungkin bersaing dengan Kumpulan atau yang akan atau berpotensi menyebabkan berlakunya konflik kepentingan dengan tugas anda dalam Kumpulan. Untuk mengelakkan salah faham, anda digalakkan untuk membincangkan dan memaklumkan penglibatan anda dalam mana-mana perniagaan/ perkhidmatan di luar dengan pengurus anda.

Melainkan kelulusan bertulis diperolehi, anda juga tidak dibenarkan untuk menjadi ahli badan kerajaan, kuasi-kerajaan atau badan berkanun yang lain atau memegang jawatan penting sebagai ahli majlis, ahli jawatankuasa persatuan perdagangan atau profesional. Semua bayaran dan/atau ganjaran yang anda terima berhubung keahlian tersebut perlu dibayar kepada Kumpulan. Walau bagaimanapun, syarat-syarat ini tidak dikenakan kepada keahlian kelab dan persatuan sosial ataupun yang berkaitan dengan komuniti.

6.4 Keahlian Lembaga Pengarah

Pekerja (tidak termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan pengarah-pengarah Kumpulan) hanya dibenarkan untuk berkhidmat sebagai ahli lembaga pengarah bagi agensi/ badan kerajaan dan/ atau syarikat/ pertubuhan yang tidak diperbadankan yang berada di luar Kumpulan dalam keadaan tertentu dengan kelulusan bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan pengarah-pengarah CMC dan subsidiari-subsidiarinya, kelulusan tersebut perlu diperolehi daripada Lembaga Pengarah CMC.

Walaupun bagaimanapun, pengecualian akan diberikan kepada pelantikan lembaga pengarah yang berkaitan dengan perniagaan keluarga atau syarikat/ pertubuhan tidak diperbadankan dan organisasi bukan untuk keuntungan (contohnya kelab dan persatuan sosial atau yang berkaitan dengan komuniti).

6.5 Ahli Keluarga dan Hubungan Peribadi yang Rapat

Seseorang Pengarah atau Pekerja itu tidak boleh mengambil bekerja, mencadangkan pengambilan bekerja, mendesak atau mempengaruhi keputusan pengambilan bekerja, menyelia, menguatkuasakan terma dan syarat pekerjaan atau mempengaruhi keputusan pihak pengurusan bagi mana-mana ahli keluarga mereka yang akan diambil bekerja oleh Kumpulan. Ahli keluarga Pengarah atau Pekerja itu hanya boleh diambil bekerja sebagai pekerja atau perunding dalam Kumpulan ini sekiranya pelantikan itu adalah berdasarkan pada kelayakan, prestasi, kemahiran, pengalaman dan mengikut dasar dan prosedur Kumpulan.

Pengarah atau Pekerja juga perlu mendedahkan aktiviti perniagaan Kumpulan yang melibatkan ahli keluarga mereka dan harus mengelakkan diri daripada terlibat dalam membuat keputusan yang berkaitan.

Sebarang kepentingan yang cukup besar yang dipunyai oleh ahli keluarga Pengarah atau Pekerja di dalam syarikat pesaing atau syarikat berkaitan yang lain perlu diisytiharkan.

6.6 Aktiviti Pelaburan

Keputusan pelaburan peribadi yang dibuat oleh seseorang Pengarah atau Pekerja tidak harus mempengaruhi pertimbangan bebasnya bagi pihak Kumpulan.



TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Adakah anda menggunakan jawatan anda untuk faedah peribadi?
- Adakah menjadi tugas anda untuk memilih syarikat pembekal untuk Kumpulan ini. Salah seorang pembekal yang dipertimbangkan ialah syarikat yang dimiliki oleh abang anda. Adakah anda tahu apa tindakan yang anda perlu lakukan?
- Adakah hubungan peribadi anda mempengaruhi keputusan perniagaan anda?

7 MENANGANI GEJALA RASUAH DAN SOGOKAN

Kumpulan ini mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap gejala rasuah dan sogokan, dan komited untuk memartabatkan kelakuan profesional, adil dan berintegriti dalam semua urusan dan hubungan perniagaan di mana jua Kumpulan ini beroperasi. Ini termasuk melaksanakan dan menguatkuasakan langkah-langkah yang berkesan untuk menangani gejala rasuah dan sogokan.

Gejala rasuah dan sogokan lazimnya mendatangkan akibat buruk, dan memungkinkan seseorang individu dipenjarakan, didenda tanpa had, dihalang daripada mendapatkan tender untuk kontrak awam dan merosakkan reputasi Kumpulan. Oleh itu, kita harus mengambil serius tanggungjawab kita daripada segi undang-undang.

Anda tidak boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh orang lain, sama ada secara langsung atau tidak, dengan membayar atau menerima rasuah atau sogokan atau sebarang tindakan lain yang dianggap tidak beretika atau yang boleh merosakkan reputasi Kumpulan.

7.1 *Rasuah dan Sogokan*

Anda perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan anti-rasuah yang berkenaan dan triti di semua negara di mana Kumpulan ini beroperasi.

Anda tidak boleh, secara langsung atau tidak langsung, berjanji, menawarkan, memberikan atau membenarkan pemberian wang atau apa jua yang bernilai, kepada pegawai kerajaan, pegawai syarikat persendirian atau individu yang berhubungkait dengan mereka untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau mendapat kelebihan dalam menjalankan urusan perniagaan. Ini termasuk:

- memberi dan menerima suapan;
- memberi atau menerima suapan oleh ejen;
- mendapatkan penarikan balik tender secara rasuah;
- merasuah pegawai badan awam;
- merasuah Pegawai Kerajaan tempatan atau asing;
- menggunakan jawatan untuk suapan;
- menerima komisen yang anda mempunyai sebab untuk mengesyaki ianya akan dianggap sebagai rasuah atau mempunyai sebab untuk mengesyaki ianya akan digunakan oleh penerima untuk membayar rasuah atau untuk tujuan rasuah yang lain; dan
- bayaran pemudahan ('grease payment') yang dianggap sebagai bayaran kepada pegawai kerajaan untuk mendapatkan akses, jaminan atau mempercepatkan sesuatu fungsi tugas yang sememangnya patut mereka lakukan.

Kumpulan tidak membenarkan bayaran pemudahan sama sekali.

Jika anda telah menerima sebarang permintaan untuk pembayaran pemudahan ataupun telah membuat sebarang bayaran yang berkemungkinan disalahertikan sebagai bayaran pemudahan, anda mesti dengan segera memaklumkan kepada Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan Kumpulan Perundangan atau menghantar pemberitahuan kepada saluran 'Whistleblowing' CMC, dan pembayaran direkodkan dengan sewajarnya.

Anda juga perlu mengelak sebarang aktiviti atau perilaku yang boleh memberikan persepsi atau mendatangkan syak sebagai kelakuan berupa sogokan atau cubaan untuk melakukannya. Menjanjikan, menawarkan, memberi atau menerima sebarang kelebihan yang tidak wajar untuk mempengaruhi keputusan penerima atau sebaliknya bukan hanya akan mengakibatkan tindakan disiplin dikenakan kepada anda malah juga tuduhan jenayah.

Semua Rakan Sejawat (apabila mewakili Kumpulan) mempunyai kewajiban untuk tidak menjanjikan, menawarkan atau memberikan sebarang kelebihan tidak wajar bagi pihak Kumpulan. Pengarah dan Pekerja harus berusaha untuk memastikan Rakan Sejawat ini tidak melakukan perkara-perkara tersebut bagi pihak Kumpulan.

TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Adakah anda telah meminta atau menerima wang atau hadiah daripada mana-mana syarikat pembekal?
- Ejen yang sebelum ini dilantik oleh pekerja terdahulu untuk berunding bagi pihak syarikat anda dengan pegawai kerajaan tempatan telah melakukan kerja yang baik, tetapi bayarannya adalah lebih tinggi daripada yang anda jangkakan. Apakah yang anda perlu lakukan?



8 HADIAH, HIBURAN DAN PERJALANAN

Kumpulan ini melarang penggunaan hadiah, hiburan dan penajaan perjalanan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan. Anda perlu mematuhi semua dasar, prosedur, undang-undang dan peraturan yang dikenakan berkaitan dengan penggunaan hadiah, hiburan dan penajaan perjalanan dalam semua negara dimana Kumpulan ini beroperasi.

Amalan hadiah perniagaan adalah berbeza di antara sesebuah negara dan amalan yang biasa dan boleh diterima di sesuatu tempat itu tidak semestinya dapat diterima di tempat lain. Justeru, niat di sebalik pemberian hadiah tersebut perlu sentiasa diambil kira supaya ia tidak mewujudkan keraguan dan ketidakwajaran dan tidak disalahertikan oleh orang lain sebagai rasuah.

8.1 Hadiah

Anda atau ahli keluarga anda dilarang meminta sebarang hadiah daripada Rakan Sejawat atau Rakan Perniagaan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Anda atau ahli keluarga anda juga tidak digalakkan untuk menerima hadiah daripada pihak-pihak ini.

Dalam pada itu, pemberian hadiah untuk tujuan menjalinkan hubungan perniagaan yang baik boleh dibenarkan. Namun, anda perlu sensitif kepada dasar penerimaan hadiah perniagaan dalam organisasi penerima.

Penerimaan atau pemberian hadiah oleh anda atau ahli keluarga anda adalah tertakluk kepada kriteria dan kelulusan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Sebagai Pengarah, anda perlu berunding dengan Lembaga Pengarah CMC.

Anda tidak boleh sama sekali menerima atau menawarkan, dengan atau tanpa kelulusan, hadiah dalam bentuk wang tunai, kesamaan tunai, perkhidmatan peribadi atau yang boleh meletakkan diri anda dalam kedudukan konflik, mempengaruhi keputusan perniagaan anda, bertujuan atau diberikan dengan harapan untuk mendapatkan sebarang kelebihan, atau yang boleh menjejaskan reputasi Kumpulan.

Dalam keadaan yang jarang berlaku di mana hadiah diterima (kerana, sebagai contoh, penolakan boleh mengguris hati pemberi), garis panduan berikut digunakan:

- i) Semua hadiah yang diterima oleh Pengarah atau pekerja daripada pihak luar mesti diisytiharkan kepada Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan/atau Kumpulan Perundangan. Nota fail berkaitan tindakan yang diambil, iaitu sama ada hadiah itu disimpan atau didermakan kepada badan amal, akan disimpan.
- ii) Secara amnya, hadiah berkaitan perayaan dan hadiah promosi boleh diterima dengan syarat kosnya berpatutan, iaitu tidak melebihi RM 200 / IDR 670,000 / HKD 400. Walau bagaimanapun, adalah dinasihatkan bahawa sebelum pengagihan hadiah tersebut,

rekomendasi berikut harus dipenuhi:

- Kesaksamaan dari segi nilai semua hadiah perayaan yang diberikan kepada pihak luar
- Penerima hadiah tidak seharusnya berada dalam kumpulan terpilih
- Tiada layanan keutamaan kepada mana-mana pihak yang menerima hadiah
- Bukan dorongan untuk mengharapkan sebarang bantuan pada masa depan yang boleh disifatkan sebagai satu bentuk rasuah.
- Hanya individu yang berkaitan harus menerima hadiah perayaan. Sebagai contoh, umat Islam untuk Hari Raya sahaja.
- Semua hadiah kepada pihak luar perlu diisytiharkan kepada Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan/atau Kumpulan Perundangan

8.2 Hiburan

Anda dan ahli keluarga anda juga dilarang untuk meminta sebarang bentuk hiburan daripada Rakan Sejawat atau Rakan Perniagaan anda sama ada secara langsung atau tidak langsung. Walau bagaimanapun, anda boleh menerima jemputan ke acara sosial atau hiburan yang berkaitan dengan tugas anda jika acara atau hiburan tersebut tidak bersifat berlebih-lebihan atau menjadi satu ciri tetap yang mungkin mempengaruhi anda sewaktu anda membuat keputusan perniagaan kelak.

Anda juga boleh menawarkan hiburan sederhana yang sah di sisi undang-undang dan munasabah dalam skop kerja anda. Apabila menawarkan hiburan, anda mesti sensitif terhadap dasar penerimaan hiburan organisasi penerima. Jika anda ragu-ragu, anda mesti merujuk kepada Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan/atau Kumpulan Perundangan. Sebagai Pengarah, anda mesti merujuk kepada lembaga pengarah CMC. Tuntutan untuk hiburan akan berdasarkan Had Kuasa Kumpulan.

Anda tidak boleh menerima, melibatkan diri atau menawarkan sebarang hiburan yang tidak senonoh, berorientasikan seksual atau yang sebaliknya mungkin meletakkan diri anda dalam kedudukan konflik atau menjejaskan reputasi Kumpulan.

8.1 Perjalanan

Anda boleh menerima penajaan penginapan dan perbelanjaan lain (contohnya, makanan, pengangkutan) yang disediakan oleh Rakan Sejawat, Rakan Perniagaan atau pihak berkepentingan lain yang menjadi tuan rumah jika perjalanan tersebut dilakukan untuk tujuan perniagaan dan penajaan tersebut adalah secara tidak berlebihan. Kos perjalanan ke negara tuan rumah itu boleh ditanggung oleh pihak Kumpulan.

Melainkan ianya dilarang oleh undang-undang atau dasar organisasi pihak penerima, Kumpulan boleh menaja kos pengangkutan dan penginapan untuk Rakan Sejawat, Rakan Perniagaan atau pihak berkepentingan lain yang membuat lawatan ke premis perniagaan Kumpulan. Lawatan tersebut mestilah berkaitan dengan tujuan perniagaan yang sah contohnya, untuk pemeriksaan peralatan, rundingan kontrak ataupun latihan. Namun, kelulusan mengikut prosedur Kumpulan yang berkaitan perlu diperolehi terlebih dahulu.

9 DERMA DAN TAJAAN

Pemberian derma adalah merupakan salah satu komitmen Kumpulan ini untuk menyumbang bakti kepada masyarakat. Malangnya, pemberian derma yang sah boleh kadangkala disalahertikan sebagai rasuah dan sogokan.

Anda mesti memastikan bahawa semua derma dan tajaan bagi pihak Kumpulan diberikan melalui saluran yang sah dan betul. Penjagaan khusus mesti diambil dalam memastikan badan amal atau organisasi penerima adalah badan yang sah dan dapat mengurus dana dengan betul.

Anda juga harus mengelakkan situasi di mana konflik kepentingan boleh timbul daripada pemberian derma atau tajaan. Berhati-hati dalam memberikan sumbangan kepada badan amal atau organisasi tajaan yang mungkin mempunyai berkaitan dengan Pegawai Kerajaan atau keluarga mereka, kerana ini boleh dilihat sebagai satu tindakan untuk mempengaruhi keputusan pegawai tersebut dalam memperoleh manfaat kepada syarikat.

Anda mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu mengikut prosedur yang ditetapkan sebelum membuat derma atau tajaan bagi pihak Kumpulan. Sumbangan dan tajaan yang diluluskan hendaklah dibuat secara telus dan direkodkan dengan tepat. Semua permintaan untuk derma dan tajaan yang diterima oleh Pengarah mesti dirujuk kepada Lembaga Pengarah CMC.



TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Adakah anda berasa terhutang budi sekiranya anda menerima hadiah daripada syarikat pembekal atau pelanggan anda?
- Adakah hadiah yang anda berikan kepada pelanggan anda itu merupakan ganjaran luar biasa atau insentif untuk transaksi perniagaan?
- Adakah hadiah atau layanan baik yang anda terima dikira berlebih-lebihan?
- Syarikat pembekal memberikan anda baucar tunai bernilai RM 200 / IDR 670,000 / HKD 400 sebagai hadiah penghargaan kerana telah menolongnya mempercepatkan bayaran yang telah lama tertunggak. Patutkah anda menyimpannya?

10 MELINDUNGI KUMPULAN DAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Pihak Kumpulan sentiasa komited untuk melindungi aset-aset dan sumber-sumber yang sedia ada.

10.1 *Melindungi Aset Kumpulan*

Kumpulan ini mengamanahkan aset-aset syarikat kepada anda supaya anda dapat menggunakannya untuk menjalankan kerja-kerja anda. Anda perlu melindungi aset-aset ini daripada pembaziran, kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan, kecurian, pelepasan atau pelanggaran hak Harta Intelek dan memastikan aset-aset ini digunakan dengan bertanggungjawab.

10.2 *Ketepatan Maklumat Kewangan*

Kumpulan ini komited dalam memastikan kewibawaan maklumat kewangan yang disediakan demi manfaat pihak-pihak berkepentingan, termasuk Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan, pemegang saham, pemiutang dan agensi kerajaan.

Oleh kerana Kumpulan ini juga bergantung kepada rekod-rekod perakaunan untuk menghasilkan laporan, anda perlu memastikan semua rekod dan dokumen perniagaan yang disediakan adalah betul, boleh dipercayai dan tepat pada waktunya.

- Rekod-rekod tersebut perlu mematuhi prinsip perakaunan yang diterima secara umum serta undang-undang dan peraturan yang dikenakan dalam bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi; dan
- Rekod-rekod tersebut adalah penting untuk Kumpulan untuk membuat keputusan dan menunaikan tanggungjawab untuk melaporkan dari segi kewangan dan undang-undang.

Pemalsuan rekod kewangan atau sebarang rekod lain atau salah nyataan maklumat boleh ditakrifkan sebagai penipuan dan boleh mengakibatkan liabiliti sivil dan jenayah bagi Pengarah, Pekerja dan Kumpulan. Anda diwajibkan untuk melaporkan kenyataan palsu dan perakaunan tidak wajar dalam buku dan rekod Kumpulan.

10.3 *Teknologi Maklumat*

Semua kemudahan komputer perlu dilindungi daripada kecurian, kerosakan dan penggunaan yang tidak wajar. Penggunaan kemudahan komputer yang melibatkan hal sensitif dan menyalahi undang-undang, pelanggaran hak Harta Intelek, akses yang tidak dibenarkan, penyalahgunaan masa dan sumber syarikat dan meletakkan integriti kemudahan komputer dalam keadaan yang berisiko adalah tidak dibenarkan.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang dikenakan di negara di mana ia beroperasi, Kumpulan berhak untuk memantau e-mel anda, mesej segera, blog, penggunaan Internet dan kandungan di dalam komputer anda. Maklumat ini boleh diperolehi semula dan digunakan sebagai bukti dalam prosiding domestik dan mahkamah undang-undang atau didedahkan kepada pihak berkuasa atau badan kawal selia jika diperlukan dalam kes tersebut.

Anda perlu menggunakan kemudahan komputer Kumpulan dengan bertanggungjawab, terutama sekali untuk tujuan perniagaan yang dikehendaki. Kemudahan komputer yang dimaksudkan termasuk akses kepada Internet, perkhidmatan e-mel dan semua perkakasan, perisian dan peralatan komputer lain.

10.4 *Maklumat Proprietari dan Sulit*

Kumpulan ini sentiasa menghargai dan melindungi semua maklumat proprietari dan sulit.

Dalam tugas seharian anda, anda mungkin memperoleh atau diberikan oleh atau memperoleh akses kepada maklumat sulit, proprietari atau peribadi daripada mana-mana ahli Kumpulan atau pelanggan Kumpulan, pembekal atau pihak berkepentingan/pihak lain yang tidak tersedia atau diketahui secara umum orang ramai atau pasaran.

Oleh itu, anda tidak boleh membocorkan maklumat-maklumat ini dengan apa cara sekalipun kepada syarikat pesaing, pelanggan, orang-orang yang terlibat dalam sebarang aspek industri sekuriti, ahli persatuan perdagangan atau pihak ketiga lain kecuali ianya dibenarkan oleh Kumpulan.

- Anda perlu sedar bahawa sebarang pendedahan maklumat proprietari atau sulit yang menyalahi undang-undang atau tidak dibenarkan boleh menyebabkan kerugian kepada Kumpulan. Dalam kes tersebut, Kumpulan boleh memulakan prosiding sivil dan jenayah terhadap pihak yang bersalah.
- Ianya juga penting untuk memastikan bahawa maklumat proprietari atau sulit hanya didedahkan kepada Pekerja lain hanya sekiranya mereka benar-benar perlu mengetahuinya.

Anda wajib menjaga maklumat proprietari dan sulit walaupun selepas perkhidmatan anda dengan Kumpulan ditamatkan, kecuali pendedahan diwajibkan melalui perintah mahkamah atau oleh pihak berkuasa kerajaan atau perundangan.

Para Pengarah, pekerja dan Rakan Perniagaan mempunyai kewajipan untuk terus memelihara maklumat sulit, proprietari dan peribadi walaupun selepas pelantikan/pekerjaan telah dihentikan, melainkan pendedahan diperlukan oleh undang-undang, perintah mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atau mana-mana kehakiman yang kompeten, pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia. Penyelewengan harta yang dimiliki oleh Kumpulan, pelanggan atau pembekal tidak akan ditolak ansur. Sebarang penyelewengan hendaklah dilaporkan dengan segera dan disiasat dengan sewajarnya. Tindakan tatatertib dan/atau undang-undang yang sewajarnya akan diambil. Dalam mengiktiraf kepentingan menghormati hak privasi individu, Kumpulan juga komited untuk memastikan pematuhan dengan keperluan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi (contohnya, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 atau undang-undang yang berkaitan di negara masing-masing).

10.5 *Maklumat Dalaman, Urusniaga Sekuriti dan Pendedahan Awam*

Kumpulan ini perlu mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan untuk membuat pendedahan secara penuh, saksama dan tepat pada masanya, bagi maklumat yang boleh menjejaskan pasaran sahamnya secara material.

Anda atau wakil lain bagi pihak Kumpulan tidak dibenarkan untuk berdagang dalam saham atau instrumen kewangan lain berdasarkan kepada maklumat yang anda perolehi dalam tugas seharian anda, jika maklumat itu belum didedahkan kepada umum.

Anda juga perlu mengelak daripada mendedahkan maklumat dalaman kepada sesiapa, termasuk ahli keluarga dan rakan anda, melainkan pendedahan diwajibkan oleh perintah mana-mana mahkamah, kuasa kehakiman, atau perundangan.

Pendedahan bahan atau maklumat bukan awam kepada orang lain boleh dikenakan penalti sivil dan jenayah.

10.6 *Komunikasi Perniagaan*

Anda perlu memastikan bahawa semua komunikasi perniagaan adalah jelas, benar dan tepat. Anda perlu mengelakkan maklumat yang mengelirukan, pendapat berspekulasi atau kenyataan yang menghinakan. Ini melibatkan semua jenis komunikasi, termasuk e-mel, nota atau memo tidak formal.

10.7 *Media Sosial*

Setiap Pekerja dan Rakan Kongsi Perniagaan mempunyai tanggungjawab untuk melindungi reputasi dan imej jenama Kumpulan. Apabila menggunakan akaun media sosial peribadi anda, anda mesti memastikan bahawa hantaran anda hanya mencerminkan pendapat peribadi anda dan tidak menjejaskan persepsi orang ramai terhadap Kumpulan. Anda juga harus mengambil langkah berjaga-jaga untuk tidak berkongsi sebarang Maklumat Sulit, maklumat perniagaan proprietari dan sebarang maklumat yang tidak tersedia kepada orang ramai.

10.8 *Pengurusan Rekod*

Dokumen dan rekod Kumpulan disimpan untuk memenuhi keperluan perniagaan, pematuhan kepada undang-undang, cukai, perakaunan dan kawal selia. Anda perlu mengawal dan memastikan rekod tersebut tepat, terkini, boleh dipercayai, boleh dikenal pasti dan boleh diperolehi semula. Anda juga perlu memastikan semua rekod tersebut dikendalikan mengikut tahap kerahsiaan yang sewajarnya, menurut dasar dan prosedur yang ditetapkan dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

10.9 *Pengurusan Risiko*

Pengurusan Risiko adalah strategi perniagaan teras yang mesti diguna pakai dalam semua aktiviti perniagaan Kumpulan. Semua pekerja diharapkan untuk menerima dan patuh kepada tanggungjawab yang berkaitan seperti yang telah digariskan oleh Kumpulan. Tanggungjawab

tersebut termasuk:

- Mengenal pasti, menganalisa, mengawal dan menilai risiko secara tepat, berkesan, kena pada masanya, dan sistematik; dan
- Mengekalkan standard profesional kontemporari yang berkaitan.

Kumpulan ini komited dalam menangani risiko korporat, klinikal atau keadaan tempat kerja dan telah menyediakan dokumentasi serta melaksanakan rangkakerja komunikasi dan laporan yang menyeluruh dan dinamik, kebertanggungjawapan dan juga jawatankuasa. Kumpulan, pihak pengurusan dan pekerjaannya akan membuat penilaian ini secara berterusan pada setiap peringkat dalam Kumpulan.

Pelaksanaan pengurusan risiko yang proaktif dan kontemporari yang diamalkan oleh bahagian Kumpulan dan pekerjaannya adalah bertujuan untuk menghalang dan/atau mengurangkan potensi kehilangan, kemudaratan, kecederaan atau kerosakan kepada individu, Kumpulan dan juga persekitaran.

10.10 *Mekanisme Aduan*

Semua aduan akan dilihat sebagai peluang untuk memperbaiki perkhidmatan. Aduan yang diterima, tidak kira daripada mana sumbernya akan ditangani dengan cara yang berstruktur, selaras dan berkesan.

Aduan akan dimaklumkan penerimaannya, disiasat dan diselesaikan secepat mungkin. Kesemua fasiliti CMC akan menyimpan dan mengemaskini satu daftar aduan.

Komitmen diperlukan daripada semua pekerja dalam mewujudkan budaya aduan yang lancar dan telus serta penyelesaian aduan yang adil.

Prinsip yang mendukung Pengurusan Aduan CMC adalah:

- Menghormati hak-hak dan tanggungjawab pelanggan;
- Komitmen organisasi terhadap pengurusan aduan yang berkesan;
- Keadilan bagi semua pihak;
- Memberikan jawapan dalam masa yang bersesuaian;
- Memberikan bantuan bersama aduan; dan
- Memperbaiki hasil



TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Adakah anda pernah memuat naik, memuat turun atau menghantar bahan-bahan yang boleh dipersoalkan?
 - Adakah anda boleh menggunakan hubungan rangkaian luaran anda untuk mendapatkan maklumat mengenai harga di syarikat pesaing?
 - Apabila anda menamatkan perkhidmatan dengan Kumpulan, adakah anda boleh membawa bersama anda sebarang maklumat yang dimiliki oleh Kumpulan?
- Anda membuat pesanan untuk satu perisian komputer dan penyelia anda meminta anda merekodkan caj kepada kategori perbelanjaan yang lain kerana telah melebihi bajet untuk perisian itu. Apakah yang anda perlu lakukan?

11 BERURUSAN DENGAN RAKAN SEJAWAT DAN RAKAN PERNIAGAAN

Kumpulan ini sentiasa berusaha untuk membina dan memperkukuhkan hubungannya dengan Rakan Sejawat dan Rakan Perniagaan. Setiap Pengarah dan Pekerja Kumpulan ini diharap dapat menjalankan urusan perniagaan secara beretika dan berkongsi etika dan prinsip perniagaan yang ditetapkan dalam COBC ini dengan semua Rakan Sejawat dan Rakan Perniagaan.

Urusan perniagaan yang dilakukan harus adil, objektif dan bebas daripada sebarang pengaruh, sama ada dari dalam ataupun luar Kumpulan. Dalam hal ini, setiap Pengarah dan Pekerja Kumpulan perlu mengelakkan sebarang rundingan perniagaan dengan mereka yang berkemungkinan merosakkan reputasi Kumpulan atau melanggar undang-undang dan peraturan contohnya undang-undang keselamatan, persekitaran, anti-rasuah atau antitrust.

11.1 *Rakan Sejawat*

Kumpulan ini memilih Rakan Sejawatnya dengan adil dan berdasarkan kepada merit seperti harga, kualiti, perkhidmatan, integriti dan standard etika.

- Anda perlu memastikan semua keputusan yang dibuat berkaitan dengan pemerolehan adalah berdasarkan kepentingan Kumpulan semata-mata dan mematuhi dasar Pemerolehan Kumpulan dan prosedur negara-negara yang berkenaan.
- Bayaran yang dibuat adalah sepadan dengan perkhidmatan atau produk yang disediakan.
- Pada umumnya, pembayaran komisen dibenarkan mengikut undang-undang dan peraturan tempatan dan di mana ia termasuk di bawah terma dan syarat-syarat kontrak di antara Kumpulan dan Rakan Sejawat tersebut, yang sah dari segi undang-undang. Kadar komisen atau bayaran yang dibayar kepada mana-mana pengedar, ejen atau perunding perlu setara dengan nilai produk atau kerja yang telah dilakukan dan perlu berpandukan kepada amalan industri.

Adalah penting untuk menyedari bahawa tawaran/ bayaran kepada syarikat berbanding dengan individu bukanlah secara automatik merupakan satu jaminan keselamatan; ujian yang sama haruslah digunakan.

Anda boleh mendapatkan nasihat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, yang akan berunding dengan Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan/atau Kumpulan Perundangan jika terdapat sebarang keraguan sama ada sesuatu tawaran/ bayaran komisen itu adalah wajar dan menurut prosedur Kumpulan.

Semua kontraktor atau subkontraktor juga memainkan peranan penting sebagai wakil Kumpulan dalam memenuhi kontrak dan kewajiban Kumpulan kepada pelanggan. Oleh itu, Kumpulan hanya akan menjalankan urusan perniagaan dengan mereka yang mematuhi semua keperluan perundangan yang dikenakan dan bertindak secara konsisten dengan COBC ini.

Rakan Sejawat yang tidak mematuhi COBC ini akan disenaraihitamkan.

11.2 *Pelanggan (Rakan Perniagaan)*

Anda perlu sentiasa melayan pelanggan dengan jujur dan hormat. Anda perlu memberikan maklumat yang tepat dan jujur mengenai produk dan perkhidmatan. Anda juga perlu berusaha untuk mempertingkatkan kualiti, kebolehpercayaan produk dan perkhidmatan melalui proses penambahbaikan dan inovasi yang berterusan. Mengedarkan mesej palsu, menyembunyikan fakta penting atau membuat tuntutan palsu mengenai Kumpulan atau tawaran syarikat pesaing adalah dilarang sama sekali.

11.3 *Usaha Sama dan Perikatan Perniagaan (Rakan Perniagaan)*

Kumpulan ini sentiasa berusaha untuk bekerja atau bergabung dengan syarikat yang mengamalkan nilai-nilai etika dan prinsip COBC yang sama.

11.4 *Undang-undang Persaingan dan Antitrust*

Kumpulan ini komited untuk bersaing secara beretika di dalam pasaran. Anda perlu mematuhi undang-undang persaingan dan antitrust di negara-negara di mana Kumpulan ini beroperasi. Anda perlu menyedari bahawa pelanggaran undang-undang tersebut boleh menyebabkan tindakan undang-undang sivil atau jenayah diambil terhadap anda dan Kumpulan ini.

Selain daripada itu, anda tidak harus menggunakan cara yang menyalahi undangundang atau tidak beretika untuk bersaing di dalam pasaran. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Bertukar maklumat persaingan dengan syarikat pesaing;
- Menetapkan harga atau terma berkaitan dengan harga;
- Membahagi-bahagikan pasaran, kawasan atau pelanggan;
- Melakukan pembidaan persaingan (termasuk mengatur penyerahan bida palsu); dan
- Menggunakan strategi yang menyalahi undang-undang untuk mengeluarkan pesaing dari pasaran, seperti penggabungan anti-persaingan dan penentuan harga predatori.

Anda juga tidak boleh menyalahgunakan maklumat proprietari atau memiliki rahsia perdagangan yang diperolehi tanpa persetujuan pemilik atau dengan mendesak pekerja syarikat lain mendedahkan rahsia tersebut.

11.5 Persekitaran, Akses Tanah dan Pembangunan Mampan

Kumpulan ini berusaha untuk meminimumkan risiko kesihatan dan kawasan persekitaran dengan menggunakan sumber semula jadi secara bertanggungjawab dan mengurangkan bahan buangan dan sisa, di mana praktik. Anda perlu menyokong komitmen ini dengan mematuhi semua dasar dan prosedur Kumpulan. Anda perlu memaklumkan kepada Pengurus, Ketua Pegawai Eksekutif Fasiliti, Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko, Kumpulan Perundangan dan wakil-wakil bahagian Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan, jika terdapat bahan berbahaya di kawasan persekitaran anda atau ianya dikendalikan atau dibuang dengan cara yang salah.

Selain daripada undang-undang dan permit yang termaktub berkaitan dengan pemilikan tanah, Kumpulan ini mengiktiraf kemungkinan terdapatnya tuntutan daripada pihak lain terhadap pemilikan tanah tersebut; seperti tanah pusaka atau tanah hak milik peribumi tempatan. Untuk mengekalkan keharmonian masyarakat, pihak yang berkenaan seperti kumpulan berkepentingan dan pihak berkuasa kerajaan perlu dirujuk untuk menjelaskan hak-hak atau tuntutan-tuntutan tersebut.



TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Adakah anda berurusan secara jujur dengan Rakan Perniagaan anda?
- Adakah komisen yang dibayar kepada Rakan Sejawat anda itu sah di sisi undang-undang?

12 BERURUSAN DENGAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN, PARTI POLITIK DAN ORGANISASI ANTARABANGSA

Kumpulan ini sentiasa berusaha untuk membina hubungan yang telus dan adil dengan agensi kerajaan, pegawai awam dan organisasi antarabangsa. Tindakan yang sewajarnya perlu diambil untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan di semua negara di mana Kumpulan ini beroperasi, serta dasar dan prosedur Kumpulan yang berkaitan.

12.1 *Aktiviti Politik*

Sebagai seorang individu, anda berhak menyertai proses politik negara. Namun, penyertaan anda harus dilakukan secara peribadi, sukarela, dan mengikut masa dan sumber kewangan anda sendiri. Pendapat politik anda perlu disampaikan dengan jelas sebagai pendapat peribadi dan bukan mewakili pendapat Kumpulan ini.

Mana-mana Pekerja yang ingin memegang sebarang jawatan penting di dalam sebarang parti politik perlu mendedahkan dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Mereka yang ingin menyertai aktiviti politik sepenuh masa atau dicalonkan dalam sebarang pemilihan atau dilantik sebagai wakil dalam Badan Perundangan Persekutuan atau Negeri perlu meletakkan jawatan daripada Kumpulan.

Mana-mana Pengarah yang ingin memegang sebarang jawatan penting dalam sebarang parti politik juga perlu mendedahkan niat ini kepada Lembaga Pengarah CMC.

12.2 *Berurusan dengan Pengawal Selia dan Agensi Kerajaan*

Jabatan atau unit operasi anda mungkin tertakluk kepada pertanyaan rasmi atau tidak rasmi, pemeriksaan mengejut, siasatan atau serbuan oleh pengawal selia dan agensi kerajaan. Dalam mana-mana keadaan ini, Pekerja dijangka mengiktiraf prosedur yang betul dalam melibatkan diri dengan pihak berkepentingan kita, termasuk pemberitahuan dan keperluan kelulusan yang diperlukan, jika berkenaan.

12.3 *Sumbangan Politik*

Kumpulan ini mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan sumbangan politik di negara-negara di mana kami beroperasi. Anda tidak boleh menggunakan dana atau sumber syarikat untuk membuat sebarang sumbangan politik secara langsung atau tidak langsung bagi pihak Kumpulan tanpa kelulusan daripada Lembaga Pengarah CMC. Anda harus mengelak daripada membuat sumbangan atau perbelanjaan sedemikian kepada mana-mana parti politik, calon atau kempen.

Sumbangan politik korporat dikawal ketat dan mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah CMC. Jika anda ingin menyumbangkan masa atau wang anda sendiri dalam sebarang aktiviti politik, ia akan dianggap sebagai keputusan peribadi dan sukarela sepenuhnya.

Sumbangan atau perbelanjaan politik termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Membayar untuk iklan dan perbelanjaan kempen politik lain;

- Membeli meja untuk majlis makan malam mengumpul dana yang dianjurkan oleh parti politik; dan/atau
- Meminjamkan Pekerja untuk menyokong acara politik semasa waktu bekerja.

12.1 Anti-Pengubahan Wang Haram dan Anti-Pembiayaan Aktiviti Keganasan

Pengubahan wang haram adalah satu proses dimana sumber sebenar dana yang diperolehi secara haram (seperti daripada pemerdagangan dadah atau aktiviti pengganas) disembunyikan dan diluluskan melalui saluran perniagaan yang sah menggunakan deposit bank, pelaburan atau pemindahan dari satu tempat (atau individu) ke tempat yang lain.

Peruntukan anti-pengubahan wang haram telah dikuatkuasakan untuk membantu mengelakkan perniagaan yang sah daripada digunakan oleh penjenayah untuk tujuan ini dan untuk membantu agensi penguatkuasaan undang-undang menjejaki dan mendapatkan semula aset penjenayah dan dana pengganas tersebut.

Kumpulan ini melarang penglibatan anda dalam aktiviti pengubahan wang haram ini, samada secara langsung atau tidak langsung. Aktiviti tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada contoh-contoh yang berikut:

- Pembayaran yang dibuat dalam mata wang yang berbeza daripada inois;
- Cubaan untuk membuat pembayaran tunai atau kesamaan tunai (di luar amalan perniagaan biasa);
- Pembayaran yang dibuat oleh pihak ketiga yang bukan pihak kepada kontrak; dan
- Pembayaran kepada akaun pihak ketiga yang tidak terlibat dengan kontrak.

TANYA PADA DIRI ANDA SENDIRI

- Rakan anda bertanding untuk jawatan politik. Adakah anda boleh membantu dalam kempen tersebut?
- Adakah anda telah diminta untuk membuat pembayaran kepada orang lain, di negara lain, kepada akaun bank bernombor atau untuk membayar secara tunai?



13 PENTADBIRAN COBC

13.1 *Panduan dan Rujukan*

Anda boleh mendapatkan nasihat daripada Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan/atau Kumpulan Perundangan jika anda tidak pasti dengan interpretasi atau penggunaan buku panduan ini.

13.2 *Menyuarakan Kekhuatiran atau Melaporkan Pelanggaran*

Ia adalah menjadi tanggungjawab anda untuk melaporkan dengan segera sebarang situasi pelanggaran ke atas COBC ini, sama ada yang sebenar ataupun yang disyaki.

Kumpulan ini mengamalkan dasar pintu terbuka dan menggalakkan anda mengutarakan soalan, kekhuatiran atau cadangan anda kepada seseorang yang boleh menyelesaikannya dengan betul. Biasanya, pegawai atasan anda adalah orang yang terbaik untuk menyelesaikan sebarang kekhuatiran anda.

Namun, sekiranya anda tidak dapat berbuat demikian, anda boleh berbincang atau menulis kepada Pengurus, Pentadbir, Ketua Pegawai Eksekutif Fasiliti, Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko, Kumpulan Perundangan, Kumpulan Sumber Manusia atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Walau bagaimanapun, jika anda tidak berpuas hati dengan maklum balas atau jika kekhuatiran anda belum ditangani, anda boleh mengemukakan kekhuatiran anda kepada Ketua Pegawai Eksekutif Fasiliti yang berkaitan atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan atau saluran pemberi maklumat terjamin yang tersedia di halaman 39 buku panduan ini.

Semua insiden pelanggaran ke atas COBC, sama ada yang sebenar atau disyaki yang diterima oleh setiap Unit Operasi atau Unit Perniagaan perlu dibawa kepada Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan Kumpulan Sumber Manusia yang akan memulakan sebarang siasatan sekiranya perlu.

Apabila anda menyuarakan kekhuatiran anda atau melaporkan pelanggaran, identiti anda akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, kami akan mendapatkan persetujuan anda sekiranya terdapat keperluan untuk mendedahkan identiti anda untuk tujuan siasatan. Sila ambil maklum bahawa siasatan mungkin akan terjejas sekiranya anda tidak memberikan persetujuan anda atau jika anda memilih untuk tidak mendedahkan identiti anda.

Kumpulan ini mengharapkan semua pihak bertindak dengan suci hati dan mempunyai asas yang kukuh semasa melaporkan kekhuatiran atau isu. Jika tuduhan terbukti berniat jahat, pihak yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya, sehingga ke tahap tindakan perundangan, di mana berkenaan.

Anda juga akan dilindungi daripada sebarang gangguan atau tindakan balas jika anda membuat laporan dengan suci hati. Mana-mana Pengarah atau Pekerja yang bertindak balas terhadap orang lain (termasuk Rakan Sejawat atau Rakan Perniagaan) yang membuat laporan dengan suci hati akan dikenakan tindakan disiplin sehingga ke tahap penamatan pekerjaan atau pemecatan.

13.3 *Siasatan Terhadap Kemungkinan Berlakunya Pelanggaran COBC dan Tindakan Disiplin*

Kumpulan ini mengambil serius semua laporan dan insiden bagi kemungkinan pelanggaran ke atas COBC ini dan akan menyiasatnya dengan teliti mengikut prosedur siasatan yang berkaitan. Tindakan disiplin yang sewajarnya akan diambil apabila pelanggaran terbukti.

Seseorang Pengarah atau Pekerja yang didapati melakukan pelanggaran ke atas COBC akan diadili mengikut dasar dan prosedur Kumpulan yang berkaitan.

Semua laporan yang dibuat mengenai kemungkinan pelanggaran akan dirahsiakan, dan hanya akan didedahkan sejajar dengan keperluan untuk menjalankan siasatan penuh bagi kemungkinan pelanggaran tersebut. Pendedahan laporan kepada individu yang tidak terlibat dalam siasatan itu adalah satu kesalahan disiplin yang serius yang boleh mengakibatkan tindakan disiplin, sehingga ke tahap penamatan pekerjaan atau pemecatan.

DEFINISI

Definisi bagi istilah penting yang digunakan dalam buku panduan COBC ini adalah seperti berikut:

ISTILAH	PENERANGAN
Ahli Keluarga	Termasuk pasangan, ibu bapa, anak (termasuk anak angkat dan anak tiri), adik beradik Pengarah atau Pekerja dan pasangan bagi anak dan adik beradiknya.
Aset	Sumber ketara atau tidak ketara yang dikawal oleh sebuah syarikat sebagai hasil daripada urusan niaga yang lepas dan dijangka mendatangkan manfaat ekonomi pada masa hadapan. Sumber seperti itu termasuk bangunan, tapak, peralatan, alat, kemudahan komunikasi, dana, akaun, program komputer, maklumat, teknologi, dokumen, paten, tanda dagangan, hak cipta, pengetahuan dan sumber atau harta lain milik Kumpulan.
CMC	CAH Medical Centres Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Ramsay Sime Darby Health Care Sdn Bhd)
Etika	Merujuk kepada standard kelakuan, yang menunjukkan cara untuk berkelakuan, berdasarkan pada tugas moral dan sifat murni daripada prinsip betul dan salah. Etika melibatkan dua aspek iaitu keupayaan untuk membezakan yang betul daripada yang salah dan komitmen untuk melakukan apa yang betul.
Gangguan	Sebarang tindakan, kelakuan atau tingkah laku langsung atau tidak langsung, yang didapati memalukan, menindas atau menyakitkan hati, sama ada secara lisan, fizikal ataupun visual.
Harta Intelekt	Maklumat perniagaan atau teknikal yang dilindungi oleh paten, tanda dagangan, hak cipta atau undang-undang rahsia perdagangan.
Individu yang Berhubungkait	Individu yang Berhubungkait termasuk yang berikut: Ahli keluarga bagi rakan perniagaan atau pegawai itu, termasuk pasangannya, ibu bapanya, anaknya (termasuk anak angkat dan anak tiri), adik beradiknya dan pasangan anaknya dan adik beradiknya; Badan korporat yang berkaitan dengan rakan perniagaan atau pegawai itu; Pemegang amanah (selain daripada pemegang amanah untuk skim perkongsian pekerja atau skim pencen) dimana rakan perniagaan atau pegawai itu atau ahli keluarganya adalah benefisiari; atau

	Pasangan bagi rakan perniagaan atau pegawai atau rakan bagi individu yang dihubungkan dengan rakan perniagaan atau pegawai itu.
Kesamaan Tunai	Aset, seperti hartanah atau saham, yang mempunyai nilai yang sama dengan tunai dan boleh ditukarkan kepada jumlah wang khusus, atau aset yang mudah ditukarkan kepada tunai, contohnya bil Perbendaharaan.
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan	Ketua Pegawai Eksekutif bagi Kumpulan yang melapor kepada Lembaga Pengarah CMC.
Ketua Pegawai Eksekutif Fasiliti	Ketua Pegawai Eksekutif kepada Unit Operasi atau Fasiliti di negara masing-masing.
Kod Etika Kerja (COBC)	Satu set panduan yang menetapkan standard etika kerja yang perlu dipatuhi oleh setiap Pengarah, Pekerja, Rakan Perniagaan dan Rakan Sejawat.
Kontrak	Perjanjian yang mewajibkan pihak-pihak yang terlibat untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara mengikut undang-undang. Contoh kontrak termasuk kontrak penjualan dan pembelian, kontrak perkhidmatan dan lain-lain.
Kumpulan	CMC dan kesemua anak syarikatnya.
Maklumat Sulit	<ul style="list-style-type: none"> • Sebarang maklumat dalam apa jua bentuk yang tidak diketahui oleh umum, dan harta Kumpulan termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berkaitan dengan proses, operasi, perdagangan, produk, penyelidikan, pembangunan, pengilangan, pembelian, perniagaan, prospek perniagaan, transaksi, hal ehwal, aktiviti, pengetahuan, Harta Intelek, perakaunan, kewangan, perancangan, operasi, data pelanggan, kejuruteraan, pemasaran, barang niaga dan penjualan, maklumat perdagangan proprietari, angka gaji, data peribadi Pekerja, senarai pelanggan, rekod, perjanjian dan maklumat, maklumat teknikal dan maklumat berkaitan yang lain, dan sebarang buku, akaun dan rekod yang disimpan oleh Kumpulan untuk tujuan perniagaannya; • Semua maklumat yang didedahkan kepada Pengarah atau Pekerja atau yang diperolehi oleh Pengarah atau Pekerja sewaktu tempoh pekerjaannya yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai ianya akan menjadi maklumat sulit, akan dianggap maklumat sulit dan ini termasuklah (tetapi tidak terhad kepada) senarai harga, cara perniagaan, sejarah

	<p>pelanggan, rekod, maklumat dan ciptaan; dan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebarang maklumat seperti yang diterangkan dalam (a) dan (b) di atas yang berkaitan dengan mana-mana pembekal, ejen, pengedar dan pelanggan Kumpulan.
Maklumat Proprietari	<p>Maklumat proprietari adalah maklumat yang dimiliki oleh individu atau entiti berkenaan pengetahuan, rahsia perdagangan atau maklumat lain sama ada dalam format bercetak atau elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak Harta Intelek, maklumat teknikal, proses perniagaan, ramalan jualan, strategi pemasaran, senarai pelanggan atau maklumat pelanggan, rekod atau operasi kewangan yang dikira sebagai sulit secara sifatnya (sama ada dilabel sebagai sulit atau tidak) dan dimiliki oleh Kumpulan.</p>
Pelanggaran	<p>Kelakuan yang boleh menyebabkan sebarang bentuk tindakan disiplin diambil terhadap individu tertentu</p>
Pesaing	<p>Pesaing adalah orang atau entiti yang memberikan perkhidmatan yang sama atau serupa atau membekalkan produk yang sama atau serupa seperti Kumpulan dalam mana-mana industri atau perniagaan.</p>
Pelanggan	<p>Pelanggan adalah individu atau entiti yang mendapatkan produk atau perkhidmatan daripada Kumpulan dan ia termasuk pelanggan-pelanggan berpotensi.</p>
Pengarah	<p>Individu yang dilantik untuk berkhidmat dalam Lembaga Pengarah CMC atau Lembaga Pengarah subsidiari-subsidiari CMC, termasuk Pengarah gantian.</p>
Pekerja	<p>Pekerja merangkumi semua kakitangan termasuk pengurusan kanan, pengurus, eksekutif, doktor dan bukan eksekutif di bawah penggajian Kumpulan. Ia juga meliputi kakitangan sementara dan pelatih.</p>
Penipuan	<p>Gambaran palsu bagi hal fakta, sama ada melalui kata-kata atau kelakuan, dengan tuduhan palsu atau penipuan, atau dengan menutupi apa yang sepatutnya didedahkan, yang menipu atau bertujuan untuk menipu orang lain.</p>
Parti Politik	<p>Sekumpulan orang yang menubuhkan sebuah organisasi untuk memperolehi dan mengamalkan kuasa politik.</p>
Pegawai Kerajaan	<p>Pegawai Kerajaan ditakrifkan secara meluas sebagai pegawai atau pekerja yang bertindak bagi pihak badan atau agensi kerajaan atau awam. Ia juga boleh merujuk kepada pegawai atau pekerja organisasi antarabangsa kerajaan, seperti Bangsa-bangsa Bersatu. Ia juga termasuk pegawai atau pekerja parti politik atau calon untuk jawatan politik.</p>

<p>Rasuah</p>	<p>Rasuah adalah dorongan atau ganjaran (kewangan atau sebaliknya) yang ditawarkan, dijanjikan atau diberikan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mendapatkan sebarang kelebihan komersial, kontraktual, perundangan, peribadi atau kelebihan lain.</p>
<p>Rakan Perniagaan</p>	<p>Mana-mana pihak yang mempunyai hubungan komersial dengan Kumpulan tetapi bukan dalam kedudukan untuk mengamalkan pengaruh ketara atau pengawalan, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan, • Usaha Sama (di mana Kumpulan atau Unit Operasi tidak mempunyai kawalan kepentingan) dan • Sekutu perniagaan contohnya pelanggan korporat, Pengamal Perubatan di Komuniti, dll
<p>Rakan Sejawat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Usaha Sama di mana Kumpulan atau Unit Operasi mempunyai kawalan kepentingan atau • Perunding • Ejen • Kontraktor; dan • Pembekal barangan/perkhidmatan yang mempunyai urusan langsung dengan Kumpulan termasuklah Pakar Perubatan persendirian di hospital CMC.
<p>Suapan</p>	<p>Pengertian “suapan” merangkumi –</p> <ul style="list-style-type: none"> • wang, derma, hadiah, pinjaman, hartanah, faedah kewangan atau kelebihan serupa; • apa-apa jawatan, martabat, pekerjaan, kontrak perkhidmatan; • sebarang pembayaran, pelepasan atau pembebasan daripada sebarang pinjaman, obligasi atau tanggungan lain; • sebarang diskaun, komisen, rebat, bonus atau peratusan; • apa-apa pemangguhan tuntutan wang atau nilai wang atau benda berharga; • sebarang kebaikan apa jua, termasuk perlindungan daripada sebarang hukuman atau tindakan disiplin atau jenayah atau menahan dari pelaksanaan sebarang hak, kuasa atau kewajipan; dan • sebarang tawaran atau janji sebarang suapan dalam pengertian mana-mana item yang terdahulu.
<p>Tindakan Balas</p>	<p>Tindakan yang tidak adil, menyalahi undang-undang atau sebaliknya yang dilakukan oleh seseorang sebagai membalas perbuatan orang lain kerana melaporkan kesalahan yang telah</p>

	dilakukannya.
Undang-undang Anti-Rasuah	Undang-undang yang melarang penawaran wang, barang atau perkhidmatan kepada seseorang untuk memujuknya melakukan tindakan yang kebanyakannya ianya menyalahi undang-undang dan membawa kepentingan kepada individu yang menawarkan rasuah.
Undang-undang Antitrust	Undang-undang bertujuan untuk menggalakkan persaingan bebas dalam pasaran dengan mengharamkan monopoli.
Unit Operasi	Sebuah unit dalam anak syarikat atau usaha sama yang beroperasi seolah-olah unit tersebut adalah syarikat persendirian. Contohnya Hospital.
Unit Perniagaan	Satu bahagian dalam Kumpulan atau Unit Operasi yang mewakili fungsi perniagaan tertentu seperti Sumber Manusia, Kewangan, Undang-undang, Strategi dan Pembangunan Perniagaan, dll.

HUBUNGI KAMI

Email CMC Whistleblowing:
whistleblow@rsdhealth.com

© CAH Medical Centres 2024. Hak cipta terpelihara.

Dokumen ini diberikan untuk tujuan maklumat sahaja, dan kandungannya tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. Dokumen ini tidak boleh dihasilkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, elektronik atau mekanikal, untuk sebarang tujuan, tanpa kebenaran bertulis daripada pihak kami terlebih dahulu. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara versi terjemahan ini dan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris perlu digunapakai.

Edisi: Februari 2020 (Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko)

Edisi kemaskini: 27 Februari 2024 (Kumpulan Kejururawatan, Kualiti & Pengurusan Risiko dan Kumpulan Perundangan dan Pematuhan)

Subang Jaya Medical Centre (Malaysia)

Ara Damansara Medical Centre (Malaysia)

ParkCity Medical Centre (Malaysia)

Bukit Tinggi Medical Centre (Malaysia)

RS Premier Bintaro (Indonesia)

RS Premier Jatinegara (Indonesia)

RS Premier Surabaya (Indonesia)
